



# **PROFIL KORPORAT**

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

[www.uthm.edu.my](http://www.uthm.edu.my)



### **VISI**

**Menjadi universiti teknikal global dalam teknologi lestari dan pengangkutan**

### **MISI**

**Menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berdasarkan paradigma tauhid**

### **MOTO**

**Dengan Hikmah Kita Meneroka**

### **SLOGAN**

**“UTHM Produces Professionals”**

### **HALA TUJU**

**UTHM sebagai sebuah Global Technopreneur University 2030 (#GTU2030)**

## **OBJEKTIF UNIVERSITI**

### **UTHM EDU-TRAIN**

Membangun graduan kompeten, profesional dan entrepreneurial

### **UTHM TECHNOPRENEUR**

Menyediakan ekosistem pembangunan technopreneur

### **UTHM PRIHATIN**

Menjalankan tanggungjawab sosial kepada komuniti dan alam sekitar

### **UTHM GOVERNAN**

Mengamalkan tadbir urus cekap dan budaya kerja berprestasi tinggi

## **FALSAFAH PENDIDIKAN**

**Pendidikan dan latihan UTHM berteraskan paradigma tauhid bagi menghasilkan graduan kompeten, profesional dan berdaya keusahawanan dipacu teknologi termaju untuk pembangunan sejahtera**

## **NILAI BERSAMA**

**AMAHANAH**  
**PROFESIONAL**  
**INOVATIF**

} A.P.I

## **LOGO RASMI**



Penerangan lanjut sila rujuk [\*\*Manual Korporat Universiti\*\*](#) yang boleh dicapai di laman web Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat UTHM (<https://korporat.utm.edu.my>).

## **DASAR DAN OBJEKTIF KUALITI**

### **DASAR KUALITI**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia beriltizam untuk menyediakan program akademik berkualiti tinggi berteraskan Kejuruteraan, Sains dan Teknologi bagi memenuhi kehendak pelanggan melalui kecemerlangan sistem pengurusan kualiti selari dengan ISO 9001:2015.

### **OBJEKTIF KUALITI**

Staf UTHM komited melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan objektif kualiti tahun semasa berikut dicapai, dipantau dan dikaji semula sejajar dengan visi dan misi Universiti.

1. Memastikan enrolmen pelajar melebihi 90% daripada sasaran (20,000).
2. Memastikan enrolmen pelajar antarabangsa melebihi 6% daripada jumlah enrolmen semasa.
3. Memastikan dana penyelidikan baharu melebihi RM20 Juta setahun.
4. Memastikan H-Index (SCOPUS) universiti meningkat 1 nilai indeks setiap tahun.
5. Memastikan kebolehkerjaan graduan setelah 6 bulan bergraduat melebihi 80%.
6. Memastikan peratus penjanaan pendapatan melebihi 15% daripada kos operasi universiti.
7. Memastikan aduan berkaitan sistem atau peralatan pengajaran dan pembelajaran diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 6 bulan.

## **SEJARAH PENUBUHAN**

Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Pada 12 April 1996, PLSP dijenamakan sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) dengan mengekalkan fungsinya untuk melatih tenaga pengajar di Politeknik seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, ITTHO terus berkembang dengan peningkatan penawaran program akademik dan jumlah pengambilan pelajar.

Pada 27 September 2000, sejarah terpahat apabila ITTHO telah dinaiktaraf sebagai sebuah kolej universiti di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dengan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

Bermula 1 Februari 2007 KUiTTHO dijenamakan sekali lagi dengan nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi meletakkan ia sebaris dengan universiti-universiti awam lain di negara ini.

Sejajar dengan tuntutan dan perkembangan semasa, pada 1 Januari 2011, UTHM telah melebarkan sayapnya dengan menubuhkan kampus cawangan di Hab Pendidikan Pagoh yang dikenali sebagai UTHM Kampus Cawangan Pagoh. Ia menempatkan tiga fakulti/pusat pengajian iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi serta Pusat Pengajian Diploma.

## **ALAMAT KAMPUS INDUK UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat Johor, Malaysia  
Tel :+607 4537000  
Emel: pro@uthm.edu.my  
Website: <https://www.uthm.edu.my>

## **ALAMAT UTHM CAWANGAN PAGOH**

UTHM Kampus Pagoh  
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh,  
KM 1, Jalan Panchor, 84600 Panchor,  
Johor, Malaysia  
Tel. : 06-9742001 / 2002 Fax.: 06-9742186